

TEMA SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KARANGAN

Soalan penulisan yang dikemukakan lazimnya meminta murid untuk menulis karangan yang berkaitan dengan perkara berikut:

1. Kepentingan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia
2. Kebaikan yang diperoleh apabila murid mempelajari ilmu sains dan teknologi
Kebaikan dan keburukan alat ciptaan sains dan teknologi kepada manusia
3. Langkah yang perlu dilakukan untuk menarik minat murid dalam bidang sains dan teknologi
4. Kesan penggunaan pelbagai ciptaan sains, teknologi dan komunikasi terhadap manusia
5. Kebaikan dan keburukan penggunaan telefon bimbit
6. Kepentingan Internet kepada murid
7. Kebaikan dan keburukan media massa dan media sosial
8. Kepentingan kemajuan sains dan teknologi dalam bidang Pendidikan

Berpandukan topik dan tajuk yang dikemukakan, didapati bahawa aspek penting yang mendasarinya ialah **kebaikan** dan **keburukan**. Oleh sebab itu, perkara terpenting yang perlu dikuasai ialah murid mestilah mengetahui isi penting, huraian, dan contoh yang bersesuaian tentang kebaikan dan keburukan sains dan teknologi serta alat atau ciptaan sains yang terkini.

Isi penting penulisan bertemakan sains dan teknologi:

- memudahkan tugas harian
- membantu guru dalam bidang pendidikan
- memudahkan komunikasi
- menghiburkan dan merehatkan fikiran

KEBAIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Pelbagai kesalahan bahasa terdapat dalam karangan ini. Kenal pasti kesalahan-kesalahan dengan menandakan:

- (i) tanda garis (_____) → kesalahan pelbagai sistem bahasa;
- (ii) tanda palang atau miring (/) → kesalahan ejaan;
- (iii) tanda palang atau miring berulang (//) → kesalahan ejaan berulang; dan
- (iv) tanda bulatan (○) → kesalahan tanda baca.

Kemudian, betulkan kesalahan-kesalahan.

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan lagi adalah bidang sains dan teknologi amat penting sekali dalam kehidupan manusia pada masa ini. Tanpa kemajuan di dalam bidang sains dan teknologi, kehidupan

manusia pasti tidak akan menjadi seperti sekarang yang pesat dengan perbagai/pelbagai kemudahan perbagai kemudahan-kemudahan, dan kesenangan kehidupan.

Antara
Di antara kepentingannya termasuklah memudahkan tugas harian manusia. Contohnya di rumah,
menggunakan kita menggunakan mesin basuh, peti sejuk, alat penyaman udara dan pelbagai barangan lain untuk
memastikan memastikan agar tugas harian dapat dilaksanakan dengan lancarnya lancar.

Selain itu,
Selain daripada itu, kita dapat berkomunikasi dengan mudahnya mudah melalui peralatan seperti telefon

bimbit yang dihubungkan melalui capaian internet Internet. Kita tidak dapat menyangkal bahawa internet telah
mengubah mengubah kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana Ini adalah kerana kita dapat berinteraksi dengan orang yang jauh dengan
menggunakan menggunakan pelbagai kaedah seperti e-mel emel dan panggilan video.

Di samping itu,
Disamping itu kemajuan dalam bidang pendidikan pendidikan juga dibantu dengan penggunaan peralatan
seperti komputer dan projektor paparan kristal cecair. Tugas guru untuk mengajar menjadi lebih mudah
apabila guru dapat memanfaatkan memanfaatkan sumber teknologi dalam bidang pendidikan pendidikan dengan lebih meluasnya meluas.

Akhir sekali,
Akhirnya kita dapat berhibur dan merehatkan fikiran selepas penat belajar dan bekerja bekerja dengan
menonton televisyen, melayari internet internet dan mendengar radio. Waktu rehat kita boleh diisi dengan hiburan
yang berkualiti. Perkara ini memberikan memberi peluang kepada kita demi/untuk/bagi demi untuk menenangkan fikiran dan menjadi
gembira.

tanda koma dalam
Kesimpulannya kemajuan kemajuan di bidang sains dan teknologi amat sangat mustahak bagi mendepani
cabaran dalam dunia yang semakin pesat dan maju. Oleh sebab itu Oleh kerana itu, kita hendaklah memanfaatkannya
dengan berhemahnya berhemah agar kemajuan tersebut memberikan memberi impak yang positif kepada diri kita

*Bimbingan Efektif,
Sukses Terjamin!*